

mereka halalkan; umpamanya pihak tua mengharamkan memakan binatang yang hidup di dua tempat – di laut dan di darat sedang pihak muda mengharuskan kerana tidak ada sesuatu perintah yang terang menunjukkan barang itu haram. Mereka memandang tentang geli tekak atau perasaan dalam menentukan halal haram sesuatu padahal itu tidak boleh menjadi ukuran.

Demikian misal perselisihan di antara keduanya sedang di dalam fahaman mengesakan Tuhan dan tawhid adalah serupa-tidak ada bezanya walau sedikit pun. Tentang perselisihan itu adalah berlaku bukan pada zaman sekarang sahaja tetapi telah beribu tahun. Mereka masing-masing menghormati fahaman masing-masing itu kerana mereka berfahaman luas sedang bagi orang-orang yang sempit fahaman adalah tidak menghormati fahaman itu dan tidak mahu bertukar-tukar fikiran untuk mencari kebenaran lalu mengkafirkan di antara satu dengan lain pada hal keduanya masih berpegang kepada kalimah tawhid.

Minta Huruf Baris

Muhammad Bin Yusuf, Kampung Pulau Rosa, Terengganu bertanya: Bolehkah kiranya kalimah-kalimah Arab seperti hadis Nabi dan firman Allah yang tersiar di dalam majalah Qalam ini digunakan dengan huruf baris untuk memudahkan pembaca-pembaca membacanya?

Jawab: Sebenarnya molek sungguh huruf baris itu digunakan tetapi berhubung dengan payah mengerjakannya maka sukar untuk mengadakan huruf baris itu pada hal majalah itu mustahak tetap dikeluarkan pada masa-masanya yang tertentu kerana selain daripada menerbitkan majalah Qalam maka tempat percetakan Qalam itu adalah juga mencetak beberapa majalah-majalah lain dan buku-buku serta risalah-risalah yang diupah kepadanya oleh orang-orang dari luar. Kerana itu maka untuk menyelenggarakan huruf baris itu payah dijalankan ***

Membuang Anak

Ahmad Albālūnī Tualang Sakah, Malim Nawar, Perak

bertanya: Apakah hukumnya seorang perempuan Islam apabila ia hamil lalu dibuang akan anak yang dikandung itu (digugurkan)?

Jawab: Seseorang yang telah tahu ia hamil apabila digugurkannya adalah berdosa terutama pula apabila hamilnya telah besar maka sifatnya adalah sama dengan membunuh suatu nyawa yang dipandang sebagai suatu kesalahan besar.

Juga patut disebut bahawa apabila seseorang merosakkan tempat peranakkannya adalah berdosa besar tetapi ada ulama berpendapat sekiranya belum terjadi anak maka menggalakkan tidak berdosa seperti menggunakan perubatan di dalam masa bersetubuh.

Al-Ḥāfiz Haji Ghulām Sarwar

kembali ke Rahmatullāh Ta‘ālā

Pada bulan yang lalu Al-Ḥāfiz Haji Ghulām Sarwar telah kembali Rahmatullāh Ta‘ālā di Pulau Pinang dalam usia kira-kira delapan puluh tahun: Ia telah dilahirkan dan mendapat pelajaran di India tetapi sebahagian besar daripada umurnya telah dihabiskan di Malaya dalam jawatan kerajaan. Dalam masa hayatnya pernah menjadi pengadil mahkamah di Singapura dan Melaka.

Sebagaimana lain-lain ahli-ahli pengetahuan Islam India dan Pakistan yang berjasa dalam penyebaran Islam maka begitulah pula al-Marhum Haji Ghulām Sarwar meninggalkan khidmatnya yang cemerlang.

Namanya akan hidup dikenang orang selagi kitab-kitab tafsir al-Quran al-Karim, tarikh Nabi Muhammad dan lain-lain buah penanya (dalam bahasa Inggeris) menjadi panduan orang-orang Islam turun temurun. Dirahmati Allah akan dia dan dihimpunkan rohnya didalam syurga Jannah al-Na‘īm